

Media Title	: Berita Harian
Headline	: Pengurus rugi RM106,253 terpedaya 'phone scam'
Date	: 23 October 2023
Section	: Nasional
Page	: 20



Pengurus rugi RM106,253 terpedaya 'phone scam'

Kuantan: Pengurus besar sebuah syarikat mendakwa rugi RM106,253 selepas terpedaya melalui panggilan telefon atau 'phone scam' daripada individu menyamar pegawai polis.

Lelaki berusia 45 tahun itu menerima panggilan telefon daripada seorang individu menyamar pegawai polis yang mendakwa data peribadinya bocor dan bertanya mengenai penggunaan kad kredit pada 20 Oktober lalu.

Mangsa kemudian bukan sahaja memberi maklumat dua akaun bank dan kad kredit miliknya untuk pengesahan kepada

suspek, malah turut mengesahkan kod pengesahan transaksi (TAC) yang diterimanya.

Ketua Polis Pahang, Datuk Seri Yahaya Othman, berkata lelaki itu menyedari ditipu apabila mendapati wang simpanan dalam dua akaun lesap sehingga mengalami kerugian RM106,253.

"Kes disiasat mengikut Seksyen 420 Kanun Keseksaan," katanya dalam kenyataan semalam, sambil menasihatkan orang ramai tidak memberikan butiran peribadi seperti nombor akaun bank kepada orang lain secara sewenang-wenangnya.